



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERAKTI




# KURSUS ASAS NAVIGASI JALAN RAYA

Modul 1

30 Sept 2020

*Prepared by :*



# OBJEKTIF MODUL 1

Di akhir Modul ini, peserta akan memahami :




- 1 Sistem Jalanraya Di Malaysia
- 2 Sistem Papan Tanda Jalanraya
- 3 Undang-Undang Berkaitan Jalanraya
- 4 Agensi Berkaitan Jalanraya



# **SISTEM JALANRAYA MALAYSIA**


Di Malaysia kategori jalan adalah seperti berikut :

1. Lebuhraya (tol/tiada tol)
2. Jalan Persekutuan
3. Jalan Negeri
4. Jalan Bandaran
5. Jalan Kampung

-  Jalan Tar
-  Jalan Dalam
-  Jalan Lama



# SISTEM JALANRAYA DI MALAYSIA













**2**

# **SISTEM PAPANTANDA JALANRAYA**

# SISTEM PAPANTANDA JALANRAYA

## Jenis Papan Tanda serta Fungsinya

JENIS PAPAN TANDA	FUNGSI	BENTUK	WARNA	CONTOH PAPAN TANDA
Regulatory Sign	Arahan spesifik dan wajib dipatuhi oleh pengguna lebuhraya		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merah</li> <li>• Putih</li> <li>• Biru</li> </ul>	
Warning Sign	Peringatan terhadap potensi bahaya atau pergerakan trafik yang tidak normal		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuning</li> </ul>	
Guide Sign	Menunjukkan arah laluan, destinasi, jarak dan lain-lain maklumat		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hijau</li> <li>• Biru</li> </ul>	
Temporary Sign	Arahan dan peringatan semasa pengguna melalui kawasan pembinaan di lebuhraya		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jingga</li> </ul>	









# SISTEM PAPANTANDA JALANRAYA

Highway Codes			
E1	 PLUS • PLUS North • NKVE	E9	 BESRAYA
E2	 PLUS PLUS South	E10	 NPE
E3	 PLUS 2 <sup>nd</sup> Link	E11	 ALTRIS LDP
E5	 KESAS	E12	 AKLEN AKLEH
E6	 PLUS ELITE	E13	 LKSA LKSA
E7	 Grand Saga	E15	 PLUS BKE
E8	 LPT • Karak • ECE	E18	 KAJANG SILK
		E20	 MEX
		E21	 LEKAS
		E23	 SPRINT
		E25	 LATAR
		E26	 SKVE
		E28	 2 <sup>nd</sup> Penang Bridge
		E29	 PLUS SPDH
		E30	 SHAHPADU Shahpadu
		E33	 DUKE
		E35	 GCE
		E36	 GCE Penang Bridge
		E37	 East West Link • KL/SBan
		E38	 SMART Tunnel







# UNDANG-UNDANG JALANRAYA



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 333

### AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Julai 2006*

DITUBUHKAN OLEH  
PEKUEHAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1988  
SECARA UTARA SAMA DENGAN  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERD  
2006



### KADAR ASAS KOMPAUN KESALAHAN TRAFIK PDRM

Bil.	JENIS KESALAHAN	KADAR ASAS KOMPAUN (RM)
1.	TIADA LESEN MEMANDU	N/C
2.	GUNA ALAT TELEKOMUNIKASI	300
3.	LAMPU ISYARAT MERAH	300
4.	MEMANDU DI LORONG KECEMASAN	300
5.	TIADA NO PENDAFTARAN	300
6.	MELEBIHI HAD LAJU	150
7.	LARANG MEMOTONG	150
8.	TALI PINGGANG KELEDAR	150
9.	POTONG CARA BAHAYA (POTONG Q)	150
10.	LARANG PUSINGAN U	150
11.	TIADA LESEN KENDERAAN MOTOR	150
12.	LARANG LETAK KENDERAAN	150
13.	TIDAK PAKAI TOPI KELEDAR	100
14.	HALANGAN LALULINTAS	100
15.	LAMPU ISYARAT KENDERAAN	100
16.	TIDAK PAMER "P" DEPAN / BELAKANG	70

\* Harga yang tersenarai di atas akan berubah tertakluk pada arahan terkini



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI

Kursus Asas Navigasi Jalanraya





## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 333

### AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Julai 2006

DI TERBITKAN OLEH  
PEMERINTAH PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USARA SAMA DENGAN  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA 1980  
2006

#### Menyebabkan kematian kerana memandu dengan melulu atau membahayakan

**41.** (1) Mana-mana orang yang memandu suatu kenderaan motor di jalan dengan melulu atau dengan kelajuan atau dengan cara yang, setelah mengambil perhatian tentang segala hal keadaan (termasuk jenis, keadaan dan saiz jalan, dan kesesakan lalu lintas yang dijangkakan yang ada atau mungkin ada di jalan itu) merbahaya

*Pengangkutan Jalan*

61

kepada orang awam, menyebabkan kematian mana-mana orang, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum penjara selama tempoh \*tidak kurang daripada dua tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun dan denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit.

(2) Mahkamah hendaklah memerintahkan butir-butir mengenai apa-apa sabitan di bawah seksyen ini diendoskan pada mana-mana lesen memandu yang dipegang oleh orang yang disabitkan itu.

(3) Seseorang yang disabitkan di bawah seksyen ini hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu selama tempoh \*\*tidak kurang daripada tiga tahun dari tarikh sabitan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, hilang kelayakan selama tempoh sepuluh tahun dari tarikh sabitan.

(3A) Walau apa pun subseksyen (1), jika seseorang yang memegang lesen memandu percubaan disabitkan di bawah seksyen ini,



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI

Babtu, 4 Julai 2020 - 2:30PM

**BH ONLINE**

#PerjaraKansosial • Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

Berita | BUKAN DUNIA | HIBURAN | BISNES | RENCANA | WANITA | Hujung Minggu | BH KAP SUL | COVID-19 | PRK CHINI | SEMUA SEKSYEN

Berita | Cari Kata Kunci

**WORD Monitor** Unlock your blog's true revenue potential [GET STARTED](#)



**Disyorkan**

- 'Mengundi tak campai lima minit'
- 'Semua orang sayang Ebby'
- Wanita tempatan gagal seludup keluar PATI
- MPK tegas tangani sindiket bitcoin
- Saya yang normal, bukan istimewa - Klopp

**Penjara 30 bulan, denda RM40,000 sebabkan kematian di jalan raya**

Diahi Tuly Harisani Ahmad Hozin dan Abnor Hamzani Abi Manap  
tshnews@bh.com.my

**BAHAU:** Mahkamah Majistret di sini, hari ini menjatuhkan hukuman penjara 30 bulan dan denda RM40,000 terhadap pemandu triler yang menyebabkan kematian lapan orang dalam kemalangan di Jempol dua tahun lalu.

Keputusan itu dibuat oleh Majistret Mohamad Redza Azhar terhadap Norzailan Omar, 46, selepas tertuduh mengaku bersalah.

**Popular**

**WORD Monitor** Unlock your blog's true revenue potential [GET STARTED](#)

## Langgar peserta maraton - mekanik dihukum penjara empat tahun

Diterbitkan 28 May 2019, 11:35 am • Dikemaskini 28 May 2019, 11:35 am


A+ A-

Seorang mekanik dijatuhi hukuman penjara empat tahun dan denda RM7,000 kerana memandu laju dan berbahaya sehingga menyebabkan kematian seorang peserta larian Klang City International Marathon, Evelyn Ang Gek Suan, 45 pada Disember 2017.

Tertuduh, Teoh Thiam Lim, 30 turut dijatuhi hukuman hilang kelayakan untuk memegang lesen memandu selama tiga tahun selain sabitan berkenaannya direkodkan dalam lesen memandunya.

Majistret Roslizi Sulaiman mengarahkan semua hukuman berjalan serentak bermula hari ini selepas pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir pembelaan.





## Pelajar maut angkara pemandu mabuk

By Oleh Nur Azizah Mokhtar  
September 22, 2020 at 2:04 PM

KUALA LUMPUR: Seorang pelajar Tingkatan Lima maut dalam kemalangan selepas motosikal ditunggangnya terbabit kemalangan dengan sebuah PERODUA Myvi dipandu seorang pemandu mabuk di Jalan Raja Laut di sini, awal pagi tadi.



*Peraih ikan, Teoh Kian Peng, didakwa membunuh penyelia syarikat Alam Flora dalam kemalangan jalan raya selepas memandu secara melawan arus dalam keadaan mabuk di Jalan Pintasan Kuantan, didakwa di Mahkamah Majistret Kuantan, hari ini. -*



*Pekerja kedai aksesori, Khor Yong Zhang, mengaku tidak bersalah memandu secara mabuk dan menyebabkan kematian penghantar makanan didakwa di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur hari ini.*



Pejabat Perdana Menteri Malaysia  
Laman Web Rasmi

Cari



Laman Utama

Mengenai PM ▾

Fokus ▾

Pejabat PM ▾

Pusat Media ▾

Sumber ▾

Kabinet ▾

Pejabat Perdana Menteri Malaysia > Berita > Perlu pinda akta untuk hukuman lebih berat terhadap pemandu mabuk – PM Muhyiddin

## Perlu pinda akta untuk hukuman lebih berat terhadap pemandu mabuk – PM Muhyiddin

Mei 30, 2020 | Berita

KUALA LUMPUR, 30 Mei — Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) perlu dipinda supaya hukuman lebih berat dikenakan terhadap individu yang disabitkan dengan kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah.

Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata justeru, beliau telah mengarahkan Kementerian Pengangkutan merangka pindaan ke atas akta tersebut berikutan bilangan kes kemalangan jalan raya membabitkan pemandu mabuk yang dilihat semakin membimbangkan kebelakangan ini.

"Saya difahamkan pindaan akta ini akan dimuktamadkan pertengahan Jun depan sebelum dibawa ke Dewan Rakyat untuk dibentangkan pada persidangan akan datang.

"Pindaan ke atas Akta 333 diharap dapat menetapkan hukuman mandatori lebih berat dan setimpal terhadap pemandu mabuk yang menyebabkan kecederaan apatah lagi kematian kepada pengguna jalan raya yang lain."



Kursus Asas Navigasi Jalanraya



## Hukuman berat pemandu mabuk tepat pada masanya

Oleh [Zanariah Abd Mutalib](#) - Julai 15, 2020 @ 5:39pm  
[zanariah\\_mutalib@bh.com.my](mailto:zanariah_mutalib@bh.com.my)



KUALA LUMPUR: Cadangan pindaan ke atas Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) bagi membolehkan pemandu mabuk dikenakan penjara maksimum 20 tahun dan denda sehingga RM150,000 adalah langkah tepat pada masanya.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Dr Khairil Anwar Abu Kassim, berkata ia membuktikan kerajaan tegas mahu menangani masalah pemandu mabuk terutama ada di antaranya menyebabkan kematian.

Bagaimanapun katanya, tahap komitmen bagi melaksanakan peraturan itu perlu konsisten dan berterusan selain memastikan mesej keburukan memandu di bawah pengaruh alkohol perlu sampai kepada masyarakat.

Katanya, hukuman yang lebih berat itu harus memberi mesej jelas jika seseorang mabuk, maka dia tidak boleh sama sekali memandu kenderaan.

"Seluruh rakyat mahu undang-undang berkaitan pemandu mabuk ini diperketatkan. Walaupun hukuman itu bukan hukuman yang paling ketat di dunia, namun ia jelas membuktikan komitmen kerajaan untuk memastikan pemanduan selamat demi kesejahteraan rakyat" katanya kepada BH hari ini

# Mangsa kereta ditimpa konkrit patah tangan, tulang selangka

Oleh Faris Fuad  
September 20, 2020 @ 4:52pm  
faris.fuad@bh.com.my



*Keadaan semasa lokasi kejadian kepingan konkrit terjatuh daripada struktur binaan lebuh raya itu dan menghempap sebuah kereta petang semalam ketika tinjauan hari ini. FOTO BERNAMA*

**KUALA LUMPUR:** Seorang wanita yang nyaris maut apabila keretanya ditimpa batu konkrit daripada struktur pembinaan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE), disahkan patah tangan kiri dan tulang selangka akibat kejadian itu.



U Mobile 4G 1:51 PM 31%

Parapet installation, no safety at all. The road downstairs is not closed, the car passes... See more

Rate this translation



Singapore

## Safety officer, project manager jailed after worker died in construction accident at Changi Airport



The Changi Airport control tower in front of Jewel Changi Airport (Photo: Jeremy Long)

By Afifah Darke

24 Sep 2020 09:34PM

(Updated: 24 Sep 2020 09:40PM)

**SINGAPORE:** A safety officer and a project manager were sentenced to jail on Wednesday (Sep 23) after a Bangladeshi worker died following a construction accident at Changi Airport more than three years ago.

Workplace Safety and Health officer Tan Wee Meng was sentenced to two months' jail, while project manager Lee Chung Ling was sentenced to three months' jail, said the Ministry of Manpower (MOM) on Thursday.





## Aktiviti berbasikal di lebuhraya adalah dilarang - PDRM

Oleh Nor Azizah Mokhtar

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

September 18, 2020 @ 5:15pm



KUALA LUMPUR: Aktiviti berbasikal di lebuhraya adalah dilarang, dan individu yang ingkar boleh dikenakan denda hingga RM1,000 atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

"Sekiranya anda ingkar, tindakan boleh diambil mengikut Seksyen 70(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987, iaitu melarang atau menyekat daripada menggunakan kenderaan di atas mana-mana jalan tertentu," katanya.



## Aktiviti berbasikal dilarang di lebuhraya seluruh negara - JSPT

Oleh Safeek Affendy Razali

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

September 22, 2020 @ 9:18pm

KUALA LUMPUR: Aktiviti berbasikal dilarang di lebuhraya seluruh negara, namun masih dibenarkan di Jalan Persekutuan, Jalan Negeri, Jalan Bandaran dan lain-lain jalan.

Justeru, Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman, Datuk Azisman Alias, menasihati semua penunggang basikal agar sentiasa mematuhi arahan ditetapkan.

"Mana-mana individu gagal mematuhi papan tanda lalu lintas melarang berbasikal di lebuhraya, boleh didenda tidak kurang RM300 dan tidak lebih RM2,000, jika sabit kesalahan.

"Mereka yang melanggar arahan itu boleh disiasat mengikut Seksyen 79 (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.



- (b) yang berhubungan dengan jalan Persekutuan yang bukannya lebuh raya, Ketua Pengarah Kerja Raya; dan
- (c) yang berhubungan dengan mana-mana jalan lain dalam kawasan mana-mana pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa tempatan yang berkenaan itu.
- (4) Dalam seksyen ini, “lebuh raya” ertinya—
- (a) jalan Persekutuan yang di atasnya lalu lintas bagi kedua-dua hala dipisahkan oleh median dan yang persimpangannya disambungkan kepada jalan awam melalui persimpangan bertingkat tanpa apa-apa sambungan terus kepada mana-mana jalan persendirian; atau
- (b) jalan Persekutuan yang diisytiharkan sebagai lebuh raya oleh Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi kerja raya melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, yang merupakan jalan yang di atasnya lalu lintas bagi kedua-dua hala dipisahkan oleh median dan yang persimpangannya disambungkan kepada jalan awam atau jalan persendirian.

#### Kuasa menyekat penggunaan kenderaan pada jalan tertentu

**70.** (1) Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi kerja raya berhubungan dengan suatu jalan Persekutuan, dan pihak berkuasa yang berkenaan selepas berunding dengan Ketua Pengarah berhubungan dengan suatu jalan selain jalan Persekutuan dalam kawasan pihak berkuasa itu, boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* melarang atau menyekat, daripada memandu atau menggunakan kenderaan atau apa-apa kelas atau perihalan tertentu kenderaan di mana-mana jalan atau mana-mana bahagian jalan yang dinyatakan dalam perintah itu, dalam apa-apa hal yang didapati oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, bahawa kenderaan itu tidak boleh digunakan atau tidak boleh tanpa apa-apa sekatan digunakan di jalan itu tanpa membahayakan keselamatan kenderaan itu, atau orang di dalamnya atau orang atau kenderaan lain yang menggunakan jalan itu, atau bahawa jalan itu tidak sesuai untuk digunakan, atau untuk digunakan tanpa apa-apa sekatan, oleh mana-mana kenderaan sedemikian, atau

berpakaian seragam, yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengarah boleh, jika didapatinya perlu untuk berbuat sedemikian bagi penguatkuasaan Akta ini, mendirikan atau meletakkan atau menyebabkan didirikan atau diletakkan apa-apa galangan sebagaimana yang ditetapkan di atas atau melintang mana-mana jalan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut; dan mana-mana pegawai sedemikian boleh mengambil segala langkah yang munasabah untuk menghalang mana-mana kenderaan daripada dipandu melalui mana-mana galangan itu, termasuk apa-apa langkah untuk mengejar dan memberhentikan kenderaan itu jika, setelah mengambil perhatian tentang hal keadaan pada masa itu, adalah ternyata bahawa jika langkah itu tidak diambil besar kemungkinannya yang kenderaan itu akan terlepas bagi mengelakkan daripada dikesan atau selainnya.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi apa-apa isyarat munasabah yang diberi oleh pegawai polis berpakaian seragam atau pegawai pengangkutan jalan berpakaian seragam yang menghendaki orang atau kenderaan itu berhenti sebelum sampai ke mana-mana galangan itu, atau cuba melintasi atau melanggar mana-mana galangan tersebut, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Tiada seorang pun pegawai akan berliabiliti terhadap apa-apa kerugian, kecederaan atau kerosakan ke atas mana-mana orang atau harta berikutan dengan langkah yang diambilnya yang disebut dalam subseksyen (1).

#### Penalti kerana mengabaikan arahan dan isyarat lalu lintas

**79.** (1) Jika seseorang pegawai polis berpakaian seragam, seseorang pegawai pengangkutan jalan berpakaian seragam atau seseorang warden lalu lintas berpakaian seragam adalah pada masa itu bertugas mengawal selia lalu lintas di suatu jalan, walau pun sesuatu isyarat lalu lintas telah diletakkan dengan sahnyanya di atas jalan itu atau berhampiran dengannya, mana-mana orang yang memandu atau mendorong sesuatu kenderaan yang gagal atau mengabaikan memberhentikan kenderaan itu atau membuat kenderaan itu berjalan melalui atau mengikut garisan lalu lintas tertentu apabila diarahkan

disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada dua ribu ringgit.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1) dan seksyen 76A, jika sesuatu isyarat lalu lintas telah diletakkan dengan sahnyanya di atas mana-mana jalan atau berhampiran dengannya mana-mana pejalan kaki atau orang yang memandu atau mendorong sesuatu kenderaan yang gagal atau mengabaikan mematuhi petunjuk yang diberi oleh isyarat itu melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada tiga ratus ringgit dan tidak lebih daripada dua ribu ringgit.

(3) Dalam apa-apa prosiding kerana sesuatu kesalahan terhadap seksyen ini, setakat mana yang perlu bagi membuktikan kesalahan yang dipertuduhkan itu, adalah dianggapkan sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa isyarat itu telah diletakkan dengan sahnyanya di bawah peruntukan-peruntukan seksyen 77.

#### Tali, dsb., melintang jalan

**80.** Mana-mana orang yang bagi apa-apa maksud meletakkan atau menyebabkan diletakkan apa-apa bonggol jalan, atau apa-apa tali, wayar, rantai, takal atau radas yang seumpama itu melintang sesuatu jalan atau mana-mana bahagian daripadanya dengan apa-apa cara sehingga mungkin menyebabkan bahaya kepada orang atau kerosakan kepada kenderaan-kenderaan yang menggunakan jalan itu adalah, melainkan jika dia membuktikan bahawa dia mempunyai hak yang sah untuk berbuat demikian dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang perlu untuk memberi amaran yang cukup tentang bahaya itu, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

#### Sekatan ke atas pertandingan dan ujian kelajuan

**81.** (1) Tiada apa-apa pertandingan atau dugaan kelajuan yang melibatkan penggunaan kenderaan boleh diadakan di sesuatu jalan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Menteri berhubungan dengan suatu jalan Persekutuan, atau pihak berkuasa



Akta 79 (2) : Penalti kerana mengabaikan arahan dan isyarat lalulintas









# AGENSI BERKAITAN JALANRAYA

# AGENSI UTAMA BERKAITAN JALANRAYA

Agensi Pembinaan & Operasi



Dewan Bandaraya  
Majlis Perbandaran  
Majlis Daerah

Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang



Agensi Penyelidikan



Agensi Polisi & Dasar



Kursus Asas Navigasi Jalanraya



*Thank You*

Y A



Kursus Asas Navigasi Jalanraya